



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA  
JABATAN PENGURUSAN INSAN  
MENARA HASIL, ARAS 10  
PERSIARAN RIMBA PERMAI  
CYBER 8, 63000 CYBERJAYA  
SELANGOR  
TELEFON: 03-83138888 FAKS: 03-83137872

## MEMO

<b>Kepada:</b>	Pengarah Jab/PPN/Caw/CSi		
<b>Daripada:</b>	Pengarah Jabatan Pengurusan Insan		
<b>Salinan Kepada:</b>	Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan)		
<b>Ruj. Tuan:</b>	<b>Tarikh:</b>	<b>Ruj. Surat Kami:</b> LHDN.AR.E.500 – 2/19/10 Jld. 3 (19)	<b>Tarikh:</b> 28 Oktober 2021

### KIT PERSARAAN LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, Jabatan Pengurusan Insan telah memperkenalkan Kit Persaraan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bertujuan untuk memberikan panduan dan rujukan kepada pesara berhubung manfaat dan kemudahan persaraan yang disediakan oleh LHDNM. Sehubungan itu, kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk memanjangkan atau mencetak Kit Persaraan seperti dilampirkan untuk diserahkan kepada pegawai yang akan bersara.

3. Diharapkan Kit Persaraan ini dapat membantu para pesara membuat rujukan terutama bagi kemudahan perubatan yang disediakan. Selain itu, Kit Persaraan ini juga akan dimuatnaik ke dalam Portal Pesara untuk capaian pantas.

4. Sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan boleh menghubungi Encik Nurularifin bin Mohd Idris di sambungan 21044 atau Ahmad Syakir Bin Rurol Mukhan di sambungan 21915.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“BERSAMA MEMBANGUN NEGARA”**  
**“ORGANISASI BERIKTIRAF MS ISO 9001:2015”**

[ ZAHARI BIN ALI ]

Pengarah  
Jabatan Pengurusan Insan  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO: A QMS 01442